



MALAYSIA INSTITUTE OF INFORMATION TECHNOLOGY

**FINAL EXAMINATION  
JANUARY 2016 SEMESTER**

**SUBJECT CODE : MPU 3113**

**SUBJECT TITLE : HUBUNGAN ETNIK**

**LEVEL : BACHELOR**

**TIME / DURATION : ( 2 ½ HOURS ) 3.00 pm – 5.30 pm**

**DATE : 20 MAY 2016**

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

1. Please read the instructions given in the question paper CAREFULLY.
2. This question paper is printed on both sides of the paper.
3. This question paper consists of TWO (2) SECTIONS. Answer ALL QUESTIONS IN SECTION A AND CHOOSE ONLY TWO (2) QUESTION IN SECTION B.
4. Please write all your answers in the answer booklet provided.

THERE ARE 4 PAGES OF ANSWER SCHEME EXCLUDING THIS PAGE.

**BAHAGIAN A (Jumlah markah: 20 markah)****ARAHAN: Jawab semua soalan.****Sila jawab di dalam buku jawapan yang disediakan.****SOALAN 1**

- A. Kedudukan istimewa orang Melayu diperuntukkan di dalam Perkara 153, Perlembagaan Persekutuan iaitu Yang di-Pertuan Agong dipertanggungjawabkan untuk memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan kaum Bumiputera di Sabah dan Sarawak, serta kepentingan sah kaum-kaum lain. Berdasarkan kenyataan ini :
- I. Senaraikan **dua** perkara yang diperuntukkan sebagai keistimewaan kaum Melayu dan Bumiputera Sabah dan Sarawak dalam Perlembagaan Persekutuan. **[ 2 markah ]**
- II. Senaraikan **dua** kepentingan sah kaum-kaum selain Melayu dan Bumiputera Sabah dan Sarawak. **[ 2 markah ]**
- B. Senaraikan **dua** cara memperoleh kerakyatan Malaysia. **[ 1 markah ]**

**SOALAN 2**

Sistem pendidikan di Malaysia mengalami perubahan ketara di antara sebelum dan selepas penjajahan British. Semasa penjajahan British, pendidikan berbentuk segregasi mengikut kaum apabila sistem persekolahan tiga kaum utama di Tanah Melayu diasing-asingkan. Namun, setelah mencapai kemerdekaan, sistem pendidikan di Malaysia mengalami perubahan ketara dari aspek mengintegrasikan pelbagai etnik dengan menitikberatkan interaksi sosial dalam sistem sukatan pelajaran dan pergaulan pelajar. Berdasarkan kenyataan di atas ini :

- A. Nyatakan **tiga** peranan guru dalam meningkatkan tahap hubungan etnik di kalangan pelajar-pelajar. **[ 3 markah ]**
- B. Jelaskan konsep Sekolah Wawasan. **[ 2 markah ]**

## SOALAN 3

- A. Jelaskan pengertian agama dari perspektif antropologi. [ 1 markah ]
- B. Berikan ringkasan maklumat mana-mana **dua** agama di dunia yang anda ketahui **selain** daripada agama anutan anda. Pastikan jawapan anda mempunyai maklumat-maklumat :
- i. Nama agama
  - ii. Pengasas agama
  - iii. Nama kitab
  - iv. Salah satu kandungan ajaran

[ 4 markah ]

## SOALAN 4

- A. Senaraikan **empat** peranan masyarakat dalam membantu kerajaan menanamkan semangat integrasi pelbagai etnik di dalam kawasan kejiwaan mereka. [ 2 markah ]
- B. Senaraikan **empat** nilai murni yang diterapkan dalam konsep 1Malaysia dalam usaha menyatupadukan rakyat Malaysia. [ 2 markah ]
- C. Nyatakan **satu** matlamat pelaksanaan Program Latihan Khidmat Negara [PLKN] [ 1 markah ]

**BAHAGIAN B (Jumlah markah: 20 markah)**

**ARAHAN:** Jawab SATU dari tiga soalan.  
Sila jawab di dalam buku jawapan yang disediakan.

**SOALAN 1**

A.

Kaum	Tarian
Melayu	Zapin
Cina	Naga
India	Bharata Natyam
Kadazan-Dusun	Sumazau
Sikh	Bangra

Kepelbagaian kaum di Malaysia mempunyai keunikannya yang tersendiri. Masing-masing berkeupayaan menjaga budaya dan adat resamnya sehingga ke hari ini. Menurut pendapat anda, mengapa perlu dikekalkan kepelbagaiannya?

[ 10 markah ]

B. Reka dua jenis program yang boleh disertai oleh rakyat berbilang kaum di Malaysia berdasarkan objektif dan cara perlaksanaannya adalah kearah perpaduan dan semangat patriotisme.

[ 10 markah ]

**SOALAN 2**

A. Bezakan **objektif** dan **contoh** pelaksanaan dasar antara Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Wawasan Negara.

[ 10 markah ]

B. Nyatakan kekuatan dan kelemahan Dasar-Dasar Ekonomi Negara menurut pandangan anda sebagai rakyat yang berbilang etnik.

[ 10 markah ]

**SOALAN 3**

- A. Agama memandu kepada cara dan gaya hidup seseorang manusia. Selain itu agama juga memberi erti yang besar kerana mampu menghuraikan tentang sejarah dan permulaan hidup manusia. Berdasarkan pemahaman anda, analisa **tiga peranan agama** dalam hidup manusia dari perspektif kepelbagaian etnik di Malaysia.

[ 10 markah ]

- B. Huraikan **dua jenis** perayaan yang terdapat di Malaysia berdasarkan sejarah dan cara pelaksanaan perayaan tersebut.

[10 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

Unikl MIT